



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

INISIATIF MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WP LABUAN TETAP DIUTAMAKAN

Labuan, 10 Februari 2018 – Kira-kira 3,000 penduduk Labuan menghadiri Kenduri 1Wilayah Persekutuan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL) yang diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan serta pemimpin-pemimpin tempatan turut hadir turun padang bersama komuniti Labuan di program tersebut. Program ini mendapat kerjasama dan penyertaan yang tinggi daripada rakyat yang menjadi *signature* program SHWP pada setiap tahun.

Sebanyak 35 program telah disusun sepanjang bulan SHWP yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat ilmiah bagi pengisian kerohanian dan juga program tanggungjawab sosial masyarakat. Hari Wilayah Persekutuan masih mengekalkan tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” pada sambutan kali ini kerana mesej dibalik tema tersebut dilihat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat.

Pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat WP Labuan telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf hidup penduduknya. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah seperti Program Kad Ceria yang merupakan kad diskaun bagi pembelian barangan keperluan harian di kedai-kedai yang menjadi rakan dagang Kad Ceria. Sehingga kini, di Labuan sahaja terdapat 200 buah premis yang menawarkan diskaun pembelian di antara 5 – 70%.

Selain itu, sebanyak 28,000 benih pokok kelapa pelbagai varieti seperti matag, pandan dan juga Malayan Red Dwarf (MRD) telah diagihkan kepada 27 buah kampung di WP Labuan melalui Program *Labuan Go Green*. Inisiatif ini merupakan salah satu langkah awal Kementerian untuk mengurangkan beban rakyat Labuan dari segi mendapatkan bahan-bahan komoditi hasil pertanian seperti kelapa parut dan santan kelapa yang dijual pada harga yang mahal.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga sedang berunding dengan pihak Kementerian Pengangkutan bagi menambah operator penerbangan seperti Malindo Air untuk laluan pergi balik dari Kuala Lumpur ke Labuan. Dengan penambahan operator penerbangan ini dapat memberi pilihan tambahan kepada rakyat untuk meneruskan aktiviti perhubungan perniagaan, urusan kerajaan, pendidikan, dan pelancongan di Labuan.

Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan bertujuan untuk menyemai serta membudayakan semangat kerjasama, keharmonian dan integrasi kaum. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu instrumen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan khususnya di Wilayah Persekutuan. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan Labuan dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria.

Disediakan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan